

Terjemah mesej pacu minda Melayu

Oleh AZMAN ANUAR
(WARTAWAN UTUSAN)

INTIPATI ucapan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika merasmikan persidangan perwakilan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO Isnin lalu menumpukan bagaimana orang Melayu harus memacu minda mereka agar tidak lagi di takuk lama sebaliknya diperbaharui setiap masa mengikut peredaran zaman.

Ini kerana kalau ada Misi Nasional dan Wawasan 2020 sekalipun tetapi minda masih di takuk lama maka tiada perubahan akan berlaku. Beliau benar-benar berharap minda orang Melayu perlu berubah.

Penganalisis politik, Prof. Madya Dr. Mohd. Zainul Fithri Othman berpandangan dari sektor ekonomi orang Melayu harus aktif mempertingkatkan keupayaan menjadi usahawan dan ahli perniagaan yang bukan lagi di Malaysia tetapi juga berusaha untuk ke peringkat antarabangsa. Perubahan itu perlu dilakukan.

Dalam bidang pendidikan, kata Mohd. Zainul Fithri, Najib mahu saintis negara ini yang datang dari institusi pengajian tinggi (IPT) menjadi saintis dunia yang membuat penemuan baru hingga memungkinkan mereka memenangi Hadiah Nobel. Itu perubahan yang diinginkan dari segi pendidikan.

Beliau juga mengulas bahawa dalam

bidang politik, Timbalan Presiden tidak mahu lagi orang Melayu bersifat jaguh-jaguh politik kampung, sebaliknya berubah menjadi jaguh politik antarabangsa yang membincangkan persoalan-persoalan orang Melayu dan bangsa di dunia terutama umat Islam secara berani dan terbuka.

"Jika mahu memacu minda orang Melayu dari segi sosial, soal kebijakan usah bermusim. Misalnya tradisi orang Melayu apabila menjelang Hari Raya, mulalah musim pemberian barang-barang bantuan. Pertolongan sedemikian adalah tradisi yang tidak membawa perubahan.

"Kita mahu orang Melayu ambil tanggungjawab untuk membantu ummah berubah daripada kedudukan sosial yang ada kepada keadaan yang lebih membanggakan. Sebaik-baiknya ia boleh dilihat sebagai perubahan mendaak dalam kehidupan sesebuah masyarakat," kata Mohd. Zainul Fithri.

Menurut Naib Presiden (Perhubungan Organisasi), Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia (KUTPM) itu lagi, kita tidak mahu dalam masyarakat miskin itu sentiasa ada golongan tegar. Kerjaan harus bantu melalui sistem yang lebih berkesan misalnya penggunaan wang zakat dengan keutamaan diberikan untuk menghapuskan masyarakat miskin tegar secara menyeluruh.

Dalam banyak penemuan kajian, ada sahaja masyarakat miskin tegar sedang-

kan setiap tahun kutipan zakat mencapai lebih RM100 juta. Kemiskinan tegar perlu ditarik keluar daripada orang Melayu.

Inilah antara intipati utama ucapan Najib. Ia harus dikupas dan difahami dan diterjemahkan dari segi pelaksanaan oleh semua perwakilan UMNO. Ia menusuk jiwa kepada individu UMNO dan sepatutnya terus menusuk ke dalam sistem pembuat dasar termasuk agensi-agensinya kerajaan sebagai satu tugasan agenda orang Melayu.

Persoalannya adakah apa yang ditekankan Najib itu boleh diterjemahkan menjadi pelaksanaan?

"Ucapan akan menjadi ucapan dan tidak punya erti jika tidak ada pelaksanaan yang diambil berdasarkan ucapan yang diberikan sama ada Timbalan Presiden ataupun Presiden UMNO," kata penganalisis politik itu.

Justeru Mohd. Zainul Fithri melihat memacu minda Melayu perlu dijadikan agenda Melayu yang pertama. Hujahnya mudah, agenda Melayu boleh ditulis di atas kertas tetapi jika minda itu adalah kelas ketiga, agenda itu akan menjadi lipatan sejarah pada kertas sahaja dan tidak menjadi lipatan sejarah atas pelaksanaannya.

Memang bertepatan Timbalan Presiden UMNO itu menyentuh tentang minda orang Melayu. Walaupun telah diperbincangkan tetapi ia dibangkitkan semula untuk menyedarkan kita bahawa ia adalah perkara utama perlu di-

berikan perhatian.

"Infrastruktur yang mewah, terbaik tetapi jika penggunaanya tidak mempunyai minda dan daya berfikir maka infrastruktur yang ada hanya menjadi tugu-tugu untuk lipatan sejarah sahaja," kata penganalisis itu.

Sebab itu apa yang Najib perkatakan sama ada difahami dan dapat dihayati oleh perwakilan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO menjadi persoalan.

Rata-rata apa yang diharapkan oleh rakyat dan ahli-ahli UMNO yang tidak hadir mengharap perwakilan yang mewakili Pemuda, Wanita dan Puteri memahami apa yang mahu disampaikan oleh Najib. Mereka mahu perwakilan yang hadir di Pusat Dagangan Dunia Putra bukan sekadar membeli-belah, bertemu rakan taulan setahun sekali tetapi menjalankan tanggungjawab besar iaitu menterjemahkan apa yang diucapkan Najib kepada ahli akar umbi.

Program-program yang dijalankan mesti memberi kesan dalam memacu minda Melayu. Ini supaya agenda Melayu boleh direalisasikan. Jika tidak, isu agenda Melayu akan menjadi yang retorik, hanya slogan dan ucapan tahunan UMNO sahaja.

Kita tidak mahu itu berlaku. Apatah lagi berasakan Perhimpunan Agung UMNO tidak mempunyai impak yang besar jika pelaksanaannya langsung tidak dilakukan sama ada oleh akar umbi atau pemimpin peringkat atasan.

Um - 15/11/2006